



Rancangan Selangor Pertama

2021-2025

Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur

Hak Cipta Terpelihara © 2022
Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 13
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN

www.selangor.gov.my

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian buku ini boleh diterbitkan semula dalam apa jua bentuk tanpa kebenaran daripada penerbit.

Rancangan Selangor Pertama (RS-1)

NEGERI PINTAR, BERDAYA HUNI DAN MAKMUR





**#SELANGOR
MAJUBERSAMA**

Isi Kandungan

Prakata oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor	8
Kata Aluan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	10
Prolog oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor	12
Ringkasan Eksekutif	14
Bahagian 1:	29
Pendahuluan	
Bahagian 2:	41
Landskap Makro dan Sasaran RS-1	
Bahagian 3:	51
Pengenalan Tema Strategik RS-1	
Bahagian 4:	77
Pemangkin Agenda Negeri	
Menyahut Cabaran Bagi Merealisasikan RS-1	90

PRAKATA

OLEH
YAB DATO' MENTERI
BESAR SELANGOR

Mengorak Langkah Demi Kemajuan Selangor

Beberapa tahun kebelakangan ini kita telah menerima ujian yang getir. Ketika kita bergelut dengan cabaran pandemik COVID-19, negeri Selangor turut dilanda banjir besar pada skala yang belum pernah dirasai. Peristiwa ini telah memberi kesan kepada kehidupan ribuan Rakyat Selangor. Lantaran itu, Kerajaan Negeri telah melancarkan pelbagai pakej rangsangan dan bantuan seperti Iltizam Selangor Penyayang dan Bantuan Selangor Bangkit bagi mengurangkan beban Rakyat dan para peniaga meneruskan aktiviti harian mereka.

Walaupun ekonomi Selangor telah kembali berada di landasan pemulihan, Kerajaan Negeri menyedari keperluan untuk meneliti dan memperhalusi segala sasaran dan

perancangan yang terdahulu berikutan perubahan yang ketara dalam persekitaran operasi. Proses pemulihan ini perlu dipercepatkan bagi memastikan asas yang kukuh untuk pembangunan Negeri jangka panjang yang mampan.

Sejajar dengan itu, Kerajaan Negeri Selangor telah merangka Rancangan Selangor Pertama (RS-1) untuk memenuhi keperluan jangka pendek negeri dan membina daya tahan yang kukuh di masa hadapan, sekali gus mengorak langkah ke arah pencapaian aspirasi **Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur** menjelang tahun 2025. Sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang prihatin, RS-1 mengutamakan keperluan sosioekonomi Rakyat di dalam usaha ke arah pertumbuhan



ekonomi dengan memastikan kelestarian alam sekitar dan kehidupan berkualiti.

RS-1 bukan sahaja bakal merencanakan pertumbuhan ekonomi negeri melalui peluang pelaburan yang menarik melalui pendekatan mesra perniagaan, ia juga akan memberi tumpuan kepada pembangunan sosial yang saksama, merangkumi serta lestari, antara lain, melalui peningkatan peluang pekerjaan dan pengurangan kadar kemiskinan bandar. Penekanan terhadap amalan tadbir urus yang baik, memupuk tenaga kerja awam yang tangkas serta penggunaan teknologi dan data secara praktikal dalam merangka dasar akan dapat membantu pengurusan Negeri secara efisien dan telus.

Dalam mendepani norma baharu, kita harus terus mara ke hadapan dengan penuh keyakinan bersama visi yang jelas dan ikatan perpaduan yang utuh. Semua ini tidak akan tercapai secara bersendirian. Semangat kebersamaan akan mendorong kita mengecapi kejayaan yang lebih cemerlang dan menjamin masa hadapan yang lebih cerah untuk Negeri Selangor (#SelangorMajuBersama). Kita berharap semua pihak berkepentingan bersedia untuk menzahirkan komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam menempa kejayaan RS-1 dan bekerjasama menjayakannya demi Negeri yang tercinta.

Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor, agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor, semua pihak berkepentingan, dan Rakyat Selangor yang memberi kerjasama dan menyokong pembentukan rancangan pembangunan ini. Kemakmuran jangka panjang Negeri ini bergantung kepada keazaman kita dalam memberikan yang terbaik ke arah melaksanakan RS-1 sebaik mungkin.

A handwritten signature in black ink, consisting of several fluid, connected strokes.

YANG AMAT BERHORMAT
DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI

KATA ALUAN

OLEH
YB SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI
SELANGOR



Pendekatan 'Collaborative' bagi Pelaksanaan Efektif

Erlepasca-pandemik ini memberi peluang kepada Selangor untuk menilai semula hala tuju strategik dan kepentingan negeri menerusi pelan pembangunan yang menyeluruh, iaitu Rancangan Selangor Pertama (RS-1). Melangkah ke hadapan, pelaksanaan rancangan ini adalah penting bagi Selangor mencapai aspirasinya untuk menjadi **Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur** menjelang tahun 2025. Kerajaan Negeri bersedia untuk memberi komitmen penuh dalam memudahkan pelaksanaan pelan pembangunan ini bagi kepentingan rakyat dan juga perniagaan.

Dalam tempoh lima (5) tahun akan datang, gerak langkah pembangunan Selangor akan dipacu erat oleh RS-1. Strategi-strategi yang digariskan dalam RS-1 adalah tertumpu kepada pengukuhan ekonomi negeri secara menyeluruh bersama keterangkuman sosial dan kelestarian yang dipertingkatkan serta penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan. Strategi-strategi ini adalah kritikal dalam rangka kerja pelaksanaan. Demi memastikan Selangor kekal di landasannya dan terus berkembang maju, amalan tadbir urus yang baik amatlah penting terutamanya dalam keadaan yang tidak dapat dijangka.



Kerajaan Negeri berhasrat supaya pendekatan tadbir urus yang progresif dan berpaksikan data serta dasar keterbukaan dapat diterapkan untuk memastikan pelaksanaan yang efektif. Pendekatan ini juga akan memanfaatkan kemajuan teknologi untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan, khususnya untuk rakyat dan para pelabur. Dengan strategi dan inisiatif yang jelas, RS-1 akan menyalurkan sumber sedia ada bersama sektor awam dan swasta ke arah pembangunan yang berimpak tinggi dan inklusif.

Semua pihak memainkan peranan yang penting, tidak kira besar ataupun kecil dalam memastikan kejayaan pelaksanaan RS-1. Dengan pemikiran 'satu negeri', RS-1 memberikan ruang yang baik bagi sektor awam untuk berganding bahu bersama-sama pengusaha industri, komuniti dan Rakyat Selangor demi mencapai matlamat yang sama.

A handwritten signature in black ink, consisting of a stylized, cursive script. The signature is positioned above the printed name of the official.

YANG BERTHORMAT
DATO' HAJI HARIS BIN KASIM


PROLOG
OLEH
PENGARAH
UNIT PERANCANG EKONOMI
NEGERI (UPEN) SELANGOR

Merangkumkan Keseluruhan Pandangan Pihak Berkepentingan

Selangor merupakan sebuah negeri yang maju dan progresif di Malaysia. Negeri ini juga menjadi pintu masuk utama di samping lokasinya yang strategik dengan ketersambungan infrastruktur yang maju dan memenuhi kehendak kelompok industri utama. Terkenal dengan kepelbagaian tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan berpengetahuan inovatif, Selangor telah muncul sebagai nadi pertumbuhan ekonomi negara. Untuk terus menjana ekonomi Malaysia, Selangor telah merangka pelan pembangunan lima (5) tahun buat julung kalinya dan ianya dikenali sebagai Rancangan Selangor Pertama (RS-1). RS-1 akan berperanan sebagai panduan strategi, inisiatif serta hala tuju pembangunan dalam jangka pendek,

sedehana dan panjang untuk membangunkan Selangor sebagai **Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur** menjelang tahun 2025.

RS-1 ini dihasilkan melalui beberapa sesi perundingan secara fizikal atau maya bersama pihak berkepentingan. Ini termasuk beberapa siri libat urus membabitkan agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, sektor swasta, ahli akademik, masyarakat sivil dan juga Rakyat. Pendekatan dalam merangka RS-1 ini berteraskan penyelidikan yang meluas dan pandangan daripada pelbagai pihak berkepentingan. Ini termasuk kajian semula strategi dan rancangan Negeri yang sedia ada, kajian penanda aras berdasarkan amalan terbaik antarabangsa, perangkaan




visi dan temu bual bersama pelbagai pihak berkepentingan, serta bengkel strategik. Lebih 400 pihak berkepentingan awam dan swasta terbabit dalam libat urus berkenaan dan ia turut disertai oleh lebih 100 organisasi. Beberapa sesi bagi tujuan penilaian data dan maklumat telah dijalankan bersama pihak berkepentingan Negeri dan Persekutuan ketika fasa perangkaan dan pengesahan dokumen RS-1. Turut dilaksanakan juga proses bagi merangka visi dan temu bual bersama semua pihak berkepentingan untuk mendapatkan input awal dan mengesahkan rangka kerja yang dicadangkan. Empat (4) Bengkel Strategik Secara Dalam Talian turut diadakan selama dua minggu melibatkan 390 peserta daripada agensi Negeri dan

Persekutuan, serta sektor swasta dan beberapa NGO yang mewakili 130 organisasi. Selain itu, Jerayawara Galeri juga dianjurkan untuk tujuan pengesahan. Galeri tersebut membentangkan rangka kerja keseluruhan, empat (4) tema strategik utama dan rangka kerja penyampaian RS-1. Acara ini melibatkan 300 peserta, merangkumi EXCO Negeri sehinggalah agensi Negeri dan Persekutuan serta sektor swasta.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam fasa pembangunan RS-1 atas komitmen mereka dalam mengutarakan pandangan, input dan cadangan yang tidak ternilai dalam memastikan Selangor kekal berdaya saing dan mengekalkan kedudukannya sebagai destinasi utama bagi pelaburan berkualiti di rantau ini.

YANG BERUSAHA
DR NOR FUAD BIN ABDUL HAMID

RINGKASAN EKSEKUTIF



Negeri Selangor kekal berdaya tahan walaupun berhadapan dengan krisis COVID-19. Beberapa segmen industri dan komuniti dilihat lebih terkesan dengan pandemik yang melanda, namun ada di antara mereka berjaya mengharungi tempoh mencabar ini. Pasca krisis ini, Selangor boleh memanfaatkan asasnya yang kukuh untuk menggarap peluang baharu dan menangani cabaran utama yang dihadapi di negeri ini.

Sejajar dengan itu, RS-1 adalah rancangan menyeluruh yang dirangka untuk menentukan hala tuju strategik Selangor untuk menjadi negeri **Pintar, Berdaya Huni dan Makmur** menjelang tahun 2025. RS-1

ini akan dijadikan sumber rujukan utama untuk Rakyat, agensi-agensi kerajaan negeri dan juga sektor perniagaan. Tema-tema utama RS-1 merangkumi aspek Ekonomi, Sosial, Kelestarian dan Tadbir Urus.

Antara tema-tema strategik telah dikenal pasti sebagai teras RS-1 iaitu 'Pengukuhan Ekonomi', 'Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial', 'Pemacuan Kelestarian' dan 'Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan'. Sebanyak 25 bidang atau sektortumpuan, 51 strategi dan 262 projek, program dan inisiatif yang dikenal pasti akan menjadi tunjang utama bagi empat tema strategik tersebut. Kesemuanya

bakal dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.

Walaupun Selangor berjaya menjadi salah sebuah negeri yang progresif dan penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia, pelaksanaan projek-projek pemangkin RS-1 yang berkesan akan membolehkan negeri ini melonjak ke tahap yang lebih tinggi. Bagi memastikan matlamat RS-1 direalisasikan menjelang tahun 2025, sasaran makro yang menyeluruh telah ditetapkan bagi setiap tema strategik dengan mengambil kira perkembangan dalam persekitaran global dan dalam negeri. Pencapaian objektif RS-1 ini bakal diterjemahkan menerusi peningkatan pendapatan dan taraf

hidup Rakyat Selangor. Rancangan ini juga akan menyediakan peluang pelaburan untuk perniagaan melalui dasar yang dinamik, ekosistem mesra pelabur dan pelaksanaan projek pemangkin. Selain itu, sektor awam akan turut menerima manfaat dengan menjadi kerajaan yang lebih moden, berwawasan dan berpaksikan rakyat untuk memudah cara pembangunan.

Keberhasilan pelaksanaan RS-1 yang berkesan amatlah penting supaya visi dan matlamat RS-1 dapat direalisasikan. Kejayaan ini memerlukan kerjasama dan penyelarasan di antara sektor awam, sektor swasta dan masyarakat sivil supaya semua pihak berkepentingan di Selangor boleh menikmati hasilnya.

SEKILAS PANDANG RS-1

2025

*SELANGOR TELAH
MENETAPKAN VISI
UNTUK MENJADI
NEGERI PINTAR,
BERDAYA HUNI
DAN MAKMUR
MENJELANG TAHUN
2025*



4 TEMA UTAMA



Menguatkan lagi status sebagai nadi pertumbuhan ekonomi dan destinasi utama pelaburan berkualiti di Malaysia dan di rantau Asia




Menjadi negeri ideal untuk didiami dengan memberi penekanan kepada kesejahteraan dan kebajikan secara seimbang dan inklusif



Menjadi peneraju pembangunan lestari bagi memulihara alam sekitar untuk generasi akan datang




Kerajaan moden, berwawasan dan berpaksikan rakyat untuk memudahcara pembangunan



SEKILAS PANDANG RS-1

RANCANGAN SELANGOR PERTAMA (RS-1) MERUPAKAN RANCANGAN PEMBANGUNAN KOMPREHENSIF YANG MENJADI HALA TUJU STRATEGIK BAGI NEGERI SELANGOR DALAM TEMPOH LIMA (5) TAHUN AKAN DATANG



EMPAT TEMA STRATEGIK TELAH DIKENAL PASTI BAGI RS-1

PENGUKUHAN EKONOMI



9 Sektor
Tumpuan

4 Strategi
Utama
Menyeluruh

101 Projek, Program dan
Inisiatif

PENINGKATAN KESEJAHTERAAN DAN KETERANGKUMAN SOSIAL



6 Bidang
Tumpuan

21 Strategi
Utama

72 Projek, Program dan
Inisiatif

PEMACUAN KELESTARIAN



5 Bidang
Tumpuan

14 Strategi
Utama

38 Projek, Program dan
Inisiatif

TADBIR URUS S.M.A.R.T. YANG BERKESAN



5 Bidang
Tumpuan

12 Strategi
Utama

51 Projek, Program dan
Inisiatif

SEKILAS PANDANG RS-1



PEMACU PERUBAHAN

1

CAREY SELANGOR

Zon Ekonomi Khas (SEZ) yang dicadangkan di Pulau Carey untuk perindustrian, komersial, logistik, pelabuhan dan aktiviti rekreasi



2

JALUR LEBAR INDUSTRI SELANGOR (JALIN)

Penambahbaikan ketersambungan internet di taman perindustrian untuk menarik lebih banyak FDI dan DDI ke negeri ini dan mengukuhkan kedudukan negeri Selangor sebagai negeri pilihan buat syarikat tempatan dan asing

3

SHAH ALAM CONTEMPORARY AND MODERN ARTS (SAMA)

SAMA akan beroperasi bukan sahaja sebagai sebuah galeri tetapi juga sebagai pemangkin kepada pembangunan industri seni visual tanahair melalui program-program pembangunan dan bantuan-bantuan lain yang diperlukan

4

SELANGOR INTERNATIONAL AERO PARK (SAP)

Untuk memastikan Selangor dan Malaysia terus menjadi hab aeroangkasa di peringkat global dan khususnya di peringkat serantau dalam ASEAN

5

WILAYAH PEMBANGUNAN BERSEPADU DI SELATAN SELANGOR

IDRISS merupakan pembangunan pelaburan swasta bersepadu di daerah Sepang dan Kuala Langat, didorong dan dilengkapkan dengan kemudahan oleh pihak Kerajaan Negeri dan disokong dengan insentif Negeri dan Persekutuan



6

KAWASAN PEMBANGUNAN SABAK BERNAM

SABDA bertujuan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi di daerah Sabak Bernam melalui aktiviti-aktiviti teras terpilih

7

ZON PEMBANGUNAN EKONOMI SELANGOR MARITIME GATEWAY (ZPE SMG)

Zon Pembangunan Ekonomi Selangor Maritime Gateway (ZPE SMG) merupakan koridor pembangunan ekonomi baharu bagi Selangor yang akan meliputi kawasan seluas 27, 960 hektar di sekitar Sungai Klang

9

PLATFORM PEKERJAAN WARGA EMAS SELANGOR (SSWP)

Pembangunan platform pekerjaan untuk warga emas di Selangor dengan pusat sokongan fizikal

8


ILTIZAM SELANGOR PENYAYANG

Program Super Kebajikan Sosial akan memberi bantuan kepada rakyat termasuk penambahan dan lanjutan kepada program sedia ada seperti Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS)

10

SELANGOR MARITIME GATEWAY (SMG) – PEMBERSIHAN DAN PEMULIHAN SUNGAI KLANG

Untuk membolehkan peluang baharu, peningkatan kualiti hidup dan pembangunan kelestarian di sepanjang sungai dengan mempertingkatkan keadaan keseluruhan Sungai Klang dan anak sungainya



SEKILAS PANDANG RS-1



PEMACU PERUBAHAN

11

SKIM BEKALAN AIR SUNGAI RASAU

Mengenal pasti sumber air baharu bagi memastikan 8.4 juta pengguna terus mendapat bekalan air bersih dan bertindak sebagai sistem tebatan banjir

12

PEMBANGUNAN INVENTORI GHG DAN PEMBINAAN KAPASITI BANDAR KARBON RENDAH UNTUK SETIAP PBT

Pelaporan karbon untuk industri dan pembangunan rangka kerja untuk pengiraan GHG bagi membolehkan perancangan karbon rendah yang lebih baik di peringkat tempatan

13

PUSAT PENGURUSAN SISA PEPEJAL BERSEPADU (ISWMC) DENGAN LOJI RAWATAN WASTE-TO-ENERGY (WTE)

Memudahkan pembinaan loji rawatan *Waste-to-Energy* (WTE) dengan pengenalan tapak, dasar dan sokongan pembiayaan sebagai sebahagian daripada pembangunan Pusat Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu (ISWMC)

14

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO BERPUSAT (RMC)

Menubuhkan jawatankuasa pengurusan risiko teras untuk menjalankan perancangan risiko, analisis dan kerjasama untuk mengurus risiko dan ancaman makro di seluruh Negeri, melangkaui bencana

15

INTELLIGENCE ANALYTICS UNIT (IAU) NEGERI

Mewujudkan pasukan pakar teknikal untuk menyelidik, memproses, menganalisis dan memperoleh kecerdasan kritikal dan pandangan daripada kekayaan Negeri, data terbuka dan besar untuk memaklumkan keputusan dan tindakan dasar



16

PERKONGSIAN AWAM-SWASTA-SIVIL (PPCP)

Mewujudkan rangka kerja kerjasama formal dengan masyarakat sivil yang akan merangkumi platform untuk cadangan, perjanjian, perbincangan dan inkubasi untuk projek perintis untuk menyokong penyelesaian dasar berasaskan komuniti yang inovatif dan lebih luas

18

STESEN JANAKUASA PULAU INDAH (PIPP)

Stesen Janakuasa Pulau Indah (PIPP) akan menyokong peningkatan permintaan elektrik melalui proses yang lebih cepat dan bersih, mengurangkan pengeluaran karbon

20

SELANGOR IMPLEMENTATION AND PERFORMANCE MONITORING UNIT (SIAP)

Peranan SIAP adalah penting untuk memastikan pertindanan pelaksanaan ditangani dan menunjukkan akauntabiliti

17


SELANGOR GOVERNMENT DATA EXCHANGE (SELGDX)

Membolehkan penggunaan semula data merentas agensi sektor awam untuk mengurangkan pertindihan dalam usaha pengumpulan data yang boleh menjimatkan masa, tenaga dan kos membangunkan aplikasi perkhidmatan sektor awam

19

PEMBANGUNAN SEMULA KOMPLEKS SUKAN SHAH ALAM (KSSA)

Projek pembangunan semula Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) bertujuan untuk membina stadium 'futureproof' dan fasiliti sukan yang menerapkan ciri-ciri teknologi terbaru bersama SMART dan elemen persekitaran



SEKILAS PANDANG RS-1

EMPAT BELAS (14) PETUNJUK MAKRO SEBAGAI INDIKATOR
PENCAPAIAN KESELURUHAN KEPADA TEMA STRATEGIK RS-1PENGUKUHAN
EKONOMI

SASARAN RS-1

Pertumbuhan KDNK (tahunan)	6.5-7.0% (purata 2021-2025)
Pelaburan yang diluluskan untuk sektor utama dan lebih canggih (tahunan)	RM25-35 bilion (purata 2021-2025)
Jumlah guna tenaga (tahunan)	3.5-3.8 juta individu (purata 2021-2025)
Penembusan jalur lebar tetap (setiap 100 premis)	70% (Menjelang 2025)

PENINGKATAN
KESEJAHTERAAN
DAN KETERANGKUMAN
SOSIAL

Penengah pendapatan isi rumah	RM9,290/month (Menjelang 2025)
Kemiskinan mutlak*	0.7% (Menjelang 2025)
Kemiskinan relatif*	11.0% (Menjelang 2025)
Indeks Kesejahteraan Keluarga	8.0 (Menjelang 2025)

PEMACUAN
KELESTARIAN


Pengurangan intensiti Gas Rumah Hijau (GHG) berdasarkan KDNK	35% (Menjelang 2025)
Ketersediaan air bersih harian	24 hours (2021-2025)
Kadar kitar semula sisa	15% (Menjelang 2025)

TADBIR URUS
S.M.A.R.T.
DAN BERKESAN

Kadar penyelesaian projek RS-1 berimpak tinggi**	100% (Menjelang 2025)
Kedudukan Pihak Berkuasa Tempatan di peringkat kebangsaan	TOP 10 (semua pihak berkuasa)
Perkhidmatan digital awam berbentuk hujung ke hujung	85% (Menjelang 2025)

* Index of Multiple Deprivation akan menjadi pelengkap kepada sasaran ini pada masa akan datang

** Projek yang dijadualkan siap pada tahun 2025 ke atas, akan dinilai berdasarkan kemajuan pencapaian semasa

A large indoor event space, likely a conference or seminar, with a stage and audience. A man in a suit is speaking at a podium on the stage. A large circular graphic overlay in the center contains the text. The audience is seated in rows of orange chairs. The stage is decorated with flowers and has a red carpet. The ceiling features large, circular, pinkish-white light fixtures. The walls are made of wood paneling. A Malaysian flag is visible on the right side of the stage.

SEMUA
PIHAK HARUS
MENJALANKAN
TANGGUNGJAWAB DAN
BERGANDING BAHU
UNTUK MEMASTIKAN
TRANSFORMASI VISI INI
MENJADI REALITI

—
RANCANGAN SELANGOR PERTAMA



An aerial photograph of a multi-lane highway bridge spanning a lush, green forested valley. The scene is captured during sunrise, with a warm orange glow on the horizon and soft, hazy light filtering through the mountains in the background. The bridge is supported by concrete pillars, and power lines are visible in the lower-left corner. In the distance, a small town or industrial area is visible, with a plume of white smoke rising from one of the buildings. The overall atmosphere is serene and scenic.

#KITASELANGOR

RANCANGAN SELANGOR PERTAMA



01

PENDAHULUAN





Rancangan Selangor Pertama (RS-1) merupakan rancangan pembangunan komprehensif yang menjadi hala tuju strategik bagi negeri Selangor dalam tempoh lima (5) tahun akan datang. Pelan ini juga akan dijadikan rujukan utama untuk Rakyat, agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta.

PENERANGAN VISI DAN TEMA UTAMA

Selangor telah menetapkan visi untuk menjadi **Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur** menjelang tahun 2025. Visi ini boleh didefinisikan melalui empat (4) tema utama iaitu: Ekonomi, Sosial, Kelestarian dan Tadbir Urus.

PINTAR – **memperkasa rakyat, sektor awam dan swasta** melalui **penggunaan optimum digital teknologi** dalam kehidupan seharian.

BERDAYA HUNI – **Pertumbuhan ekonomi tinggi** untuk memacu **pembangunan inklusif, pembangunan masyarakat berkeupayaan, berpencerahan** dan berintegriti; dan **pembangunan lestari** melalui penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar.

MAKMUR – **Hasil yang mampan dan teragih merentas negeri dan daerah**; mempunyai **kependudukan tinggi** dan **berbilang; sentosa** dan **cukup kehidupannya**.

Dalam erti kata lain, sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang prihatin, RS-1 juga meletakkan keperluan sosioekonomi Rakyat sebagai elemen utama, di samping usaha ke arah pertumbuhan ekonomi pesat dan penggunaan meluas teknologi digital dengan kepedulian terhadap kelestarian alam sekitar dan kehidupan berkualiti.

- Dari aspek **Ekonomi**, Selangor merupakan pusat perkembangan ekonomi negara sejak beberapa dekad yang lalu. Selangor akan mengukuhkan statusnya sebagai nadi pertumbuhan ekonomi dan destinasi utama bagi pelaburan berkualiti di Malaysia dan di rantau Asia. Justeru, ini boleh menggalakkan pertumbuhan ekonomi, membuka peluang pelaburan dan seterusnya menyediakan peluang pekerjaan.
- Dari sudut **Sosial**, Selangor berupaya menjadi negeri ideal untuk didiami dengan menerapkan standard kesejahteraan dan kebajikan bagi masyarakat yang lebih baik, seimbang dan inklusif. Segala usaha ini akan memberi impak yang positif kepada peningkatan pendapatan isi rumah, pengurangan kadar kemiskinan dan penambahbaikan kesejahteraan hidup rakyat Selangor secara umum.
- Dari aspek **Kelestarian**, Selangor berazam untuk menjadi peneraju pembangunan lestari bagi memulihara alam sekitar untuk generasi akan datang. Ini merupakan komitmen dalam menjadikan Selangor sebagai negeri yang rendah karbon, berupaya membekalkan air yang bersih serta berjaya menguruskan sisa pembuangan secara lestari.
- Berkenaan amalan **Tadbir Urus**, Selangor beriltizam untuk mentransformasikan sektor awam menjadi lebih moden, berwawasan dan berpaksikan rakyat. Dengan ini, sektor perkhidmatan awam bukan sahaja berperanan sebagai pembolehdaya tetapi juga sebagai penggerak utama dalam memudahcara pembangunan negeri. Seajar dengan itu, Kerajaan Negeri menjangka untuk merealisasikan inisiatif RS-1 yang telah dikenal pasti, menambah baik penyampaian perkhidmatan oleh pihak berkuasa tempatan dan meningkatkan pendigitalan perkhidmatan awam.





RINGKASAN KESELURUHAN KERANGKA RS-1

Bagi menjayakan visi RS-1, rancangan ini telah menggariskan empat tema strategik yang meliputi aspek seperti di atas iaitu Pengukuhan Ekonomi, Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial, Pemacuan Kelestarian dan Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan.

Tema strategik ini ditunjangi oleh sektor atau bidang tumpuan, strategi utama serta projek, program dan inisiatif (PPI) yang khusus. Beberapa PPI yang menjadi pemacu perubahan yang berimpak tinggi telah dikenal pasti. PPI ini akan didasari oleh beberapa pemangkin kritikal sebagai pembolehkan transformasi di dalam negeri menerusi RS-1.

Keutamaan akan difokuskan terhadap mekanisme penyampaian RS-1 bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan. Kerangka tadbir urus dan kaedah pelaksanaan telah dibangunkan bagi membantu dalam menjayakan rancangan ini.



KERANGKA RS-1

Negeri Pintar, Berdaya

1 Pengukuhan Ekonomi

- **Menyelaraskan pembangunan dan strategi pelaburan** dalam sektor utama dengan menarik minat syarikat bertaraf antarabangsa dan syarikat 'Unicorn'
- **Memacu projek pemangkin** melalui sektor tumpuan utama dengan memanfaatkan kelebihan Negeri dalam membuka peluang pekerjaan demi meningkatkan tahap ekonomi pasca-pandemik

9 Sektor Tumpuan

- | | |
|--|---|
|  Pelabuhan & Logistik |  Halal |
|  Pelancongan |  Sains Hayat |
|  Automotif |  Ekonomi Digital |
|  Aeroangkasa | |
|  Agroteknologi | |
|  Elektrik & Elektronik dan Kejuruteraan & Mesin | |

2 Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial

- Menyediakan peluang **penjanaan pendapatan** untuk semua
- **Intervensi** sosial bersasar untuk golongan miskin bandar dan luar bandar
- Memastikan masyarakat inklusif didayakan dengan **perkembangan teknologi**

6 Bidang Tumpuan

-  Penjanaan Pendapatan dan Kebajikan Sosial
-  Tumpuan Khas kepada Kumpulan Sasar
-  Wanita, Keluarga dan Masyarakat
-  Perumahan Mampu Milik
-  Penjagaan Kesihatan
-  Pendidikan

Infrastruktur Awam, Pembangunan Sumber Manusia, Pembangunan IKS,

Projek, Program

Huni dan Makmur

3 Pemacuan Kelestarian

- Menyediakan perkhidmatan dan infrastruktur awam yang **pintar dan mampan**
- Meningkatkan kesejahteraan hidup di samping **mengutamakan kelestarian alam sekitar** melalui infrastruktur hijau dan pemeliharaan sumber asli
- Mencapai kejayaan menerusi komitmen ke arah masa depan **rendah karbon**

5 Bidang Tumpuan

-  Daya Tahan dan Pengurusan Bencana
-  Pengurusan Air
-  Pengurusan Sisa
-  Negeri Rendah Karbon
-  Biodiversiti dan Sumber Asli

4 Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan

- Membina kerajaan S.M.A.R.T. yang setujuan, produktif, tangkas, dan bertanggungjawab dalam menyampaikan mandat
- Pendekatan **berpaksikan Rakyat**
- Mempelbagaikan sumber hasil dan mengadaptasi transformasi teknologi untuk **memacu penyampaian perkhidmatan awam**

5 Bidang Tumpuan

-  Penjajaran Strategik Matlamat dan Dasar
-  Pengurusan Prestasi dan Akauntabiliti
-  Tenaga Kerja Awam Tangkas
-  Kemampanan Hasil
-  Transformasi Teknologi

Digitalisasi, Penambahbaikan Dasar dan Kawal Selia

dan Inisiatif





RANCANGAN SELANGOR PERTAMA



02

LANDSKAP MAKRO DAN SASARAN RS-1



PERSEKITARAN MAKRO EKONOMI GLOBAL DAN DALAM NEGERI¹

Dalam tempoh 2021-2025, ekonomi Selangor akan dipengaruhi oleh faktor-faktor global dan dalam negeri.

Meskipun menghadapi persekitaran yang mencabar, pertumbuhan ekonomi global diunjurkan kekal berada di landasan pemulihan. Keadaan ekonomi global dijangka melonjak naik selepas krisis COVID-19, dan ia terus berkembang tetapi pada kadar yang lebih perlahan di sekitar 3.3% menjelang tahun 2026. Ekonomi serantau dijangka pulih secara beransur-ansur berbanding dengan ekonomi negara maju, disebabkan oleh lanjutan perintah berkurung serta pelaksanaan program vaksinasi.

Dalam masa yang sama, aliran pelaburan langsung asing (FDI) global akan dipacu oleh pelaburan jangka masa pendek dalam bidang sains hayat, terutamanya dalam sektor farmaseutikal. Rantau ini juga dijangka akan memperolehi manfaat daripada perjanjian pelbagai hala, termasuk pemeteraian Kerangka Fasilitasi Pelaburan ASEAN pada Oktober 2021 dan Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang mula berkuat kuasa pada Januari 2022.

¹ Penilaian landskap makro adalah setakat Mac 2022; Sumber: Tinjauan Ekonomi Dunia Tabung Kewangan Antarabangsa (April 2022, Januari 2022), UNCTAD, UNESCAP, pelbagai badan penyelidikan



Sebagai sebuah negeri yang bersepadu dengan ekonomi global, kesan limpahan ekonomi yang positif dari faktor luaran akan menyokong ekonomi Selangor melalui peningkatan aktiviti perdagangan dan pelaburan. Bagi sektor domestik, pelaksanaan pelaburan pemangkin di dalam sektor-sektor tumpuan serta pembangunan infrastruktur mampan akan membantu merancakkan kadar pertumbuhan ekonomi. Pasaran tenaga kerja juga dijangka akan bertambah baik kesan dari pemulihan ekonomi.

Selain itu, sentimen positif dijangka akan terus meningkat dan dapat mengurangkan tahap waspada rakyat setelah Selangor memasuki ke Fasa Peralihan Endemik.

Dengan sokongan dasar fiskal dan sosial yang berterusan, kesejahteraan Rakyat Selangor akan terus terjamin. Dalam jangka masa sederhana pula, mobilisasi dan penskalaan teknologi sedia ada dan baharu serta penambahbaikan tadbir urus awam akan memacu produktiviti dan kecekapan negeri untuk memenuhi keperluan ekonomi, tuntutan sosial dan agenda kelestarian.





SASARAN MENYELURUH MAKRO UNTUK RS-1

Pembangunan petunjuk dan penetapan sasaran makro untuk RS-1 adalah penting bagi memastikan matlamat strategik dapat dicapai menjelang tahun 2025. Empat belas (14) petunjuk makro yang meliputi semua tema strategik telah dipilih berdasarkan empat (4) kriteria utama: Boleh Diukur, Keberhasilan, Spesifik dan Boleh Disemak.









SOROTAN UTAMA



- Sasaran bagi **Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)** bermatlamat untuk memulihkan semula ekonomi Selangor ke tahap pra-pandemik
- **Guna tenaga** dijangka mendapat manfaat daripada pertumbuhan dalam aktiviti ekonomi
- Sasaran **Kelulusan Pelaburan** akan dipacu oleh sektor utama dan kompleks
- Sasaran **Ekonomi Digital** memberi tumpuan dalam meluaskan jangkauan dan liputan perkhidmatan digital yang berkualiti di Selangor
- Sasaran **Sosial** bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan dan taraf hidup rakyat melalui antara lain peningkatan pendapatan isi rumah penengah dan pengurangan kadar kemiskinan
- Agenda **Kelestarian** di Selangor akan dipacu dengan pelbagai sasaran, terutamanya pelepasan karbon, pengurusan air dan sisa
- Sasaran keseluruhan amalan **Tadbir Urus** adalah untuk menilai akauntabiliti, keberkesanan, kecekapan dan kualiti perkhidmatan awam

Selaras dengan ini, petunjuk-petunjuk utama yang menggambarkan kemajuan ke arah mencapai sasaran makro dan visi RS-1 juga harus ditinjau.

PEMANTAUAN PETUNJUK KEMAJUAN UTAMA

Tema Strategi	Sasaran Makro	Pemantauan Petunjuk Kemajuan Utama
 Penguatan Ekonomi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pertumbuhan KDNK (tahunan) 2. Pelaburan yang diluluskan berdasarkan sektor utama (tahunan) 3. Jumlah guna tenaga (tahunan) 4. Penembusan jalur lebar tetap (setiap 100 premis) 	<ul style="list-style-type: none"> • KDNK per kapita • FDI dan DDI sektoral • Nisbah guna tenaga berkemahiran tinggi-sederhana berbanding rendah • Pembiayaan awam untuk pembangunan prasarana infrastruktur • Petunjuk kesenangan menjalankan perniagaan • Indeks ekonomi digital negeri
 Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial	<ol style="list-style-type: none"> 5. Pendapatan isi rumah 6. Kemiskinan mutlak 7. Kemiskinan relatif 8. Indeks Kesejahteraan Keluarga 	<ul style="list-style-type: none"> • Indeks Belia Malaysia • Kadar penyertaan tenaga buruh wanita • Keterbantutan tumbesaran kanak-kanak • Kadar jangkitan denggi • Kadar pendaftaran prasekolah dan sekolah rendah • <i>Index of Multiple Deprivation</i>
 Pemacuan Kelestarian	<ol style="list-style-type: none"> 9. Pengurangan intensiti Gas Rumah Hijau (GHG) berdasarkan KDNK 10. Ketersediaan air bersih harian 11. Kadar kitar semula sisa 	<ul style="list-style-type: none"> • Kadar Penggunaan Air (liter sehari) • Air tidak boleh berhasil diperbaharui • Kawasan mudah banjir • Penggunaan tenaga boleh diperbaharui • Kilometer laluan basikal/mobiliti rendah karbon
 Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan	<ol style="list-style-type: none"> 12. Kadar penyelesaian projek RS-1 berimpak tinggi 13. Kedudukan Pihak Berkuasa Tempatan di peringkat kebangsaan 14. Perkhidmatan digital awam hujung ke hujung 	<ul style="list-style-type: none"> • Tempoh proses kelulusan • Nisbah penyelesaian berbanding penerimaan aduan • Petunjuk persepsi kerajaan negeri • Nisbah kerja kritikal berbanding berlebihan kerja lebih masa (lewah) • Peratusan data simpanan dalam sistem <i>Cloud</i>

RANCANGAN SELANGOR PERTAMA

Stratena

03

PENGENALAN TEMA STRATEGIK RS-1

Dalam merealisasikan Selangor sebagai **Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur** menjelang tahun 2025, empat (4) tema strategik telah dikenal pasti iaitu 'Pengukuhan Ekonomi', 'Peningkatan Kesejahteraan Hidup dan Keterangkuman Sosial', 'Pemacuan Kelestarian' dan 'Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Efektif'.

Melalui tema strategik ini, **25 sektor tumpuan, 51 strategi utama dan 262 projek, program atau inisiatif (PPI)** akan dilaksanakan dalam masa lima tahun akan datang.



4 TEMA STRATEGI



**Penguatan
Strategi**



**Peningkatan
Kesejahteraan dan
Keterangkuman Sosial**



**Pemacuan
Kelestarian**



**Tadbir Urus
S.M.A.R.T.
dan Berkesan**

1 PENGUKUHAN EKONOMI

9

SEKTOR TUMPUAN

4

STRATEGI KOMPREHENSIF
MENYELURUH

101

PROJEK, PROGRAM
DAN INISIATIF



Sepanjang lima tahun yang lalu, Selangor berjaya mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan. Selangor juga merupakan salah sebuah negeri yang berprestasi tinggi di Malaysia sebagai penyumbang terbesar kepada KDNK dan dengan jumlah pelaburan serta median pendapatan isi rumah yang tinggi. Walaupun pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada kelembapan ekonomi pada tahun 2020, Selangor masih kekal sebagai destinasi pelaburan utama di Malaysia. Struktur ekonomi Selangor didorong oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan yang menyumbang lebih daripada 90% daripada jumlah keseluruhan KDNK. Sejak kebelakangan ini, Kerajaan Negeri juga telah memberi penekanan terhadap kemajuan sektor pertanian.

Melangkah ke hadapan, objektif utama tema strategik ini adalah untuk menyelaraskan pembangunan pertumbuhan ekonomi Selangor dan strategi pelaburan untuk menarik minat syarikat bertaraf antarabangsa termasuk syarikat-syarikat unicorn yang berpotensi tinggi. Ia juga bertujuan untuk memacu projek pemangkin dalam sektor tumpuan utama dan kawasan geografi terpilih yang bakal memberi manfaat dan kelebihan daya saing negeri. Ini juga akan membantu mewujudkan peluang pekerjaan tambahan dan merancakkan lagi aktiviti pengukuhan ekonomi.



Terdapat **sembilan (9) sektor tumpuan utama, empat (4) strategi utama, dan 101 projek, program dan inisiatif (PPI)** telah dikenal pasti di bawah tema ini. Antaranya ialah:


- Pelabuhan dan Logistik
- Pelancongan
- Ekonomi Digital
- Aeroangkasa
- Automotif
- Elektrik & Elektronik (E&E) dan Jentera & Kejuruteraan (M&E)
- Industri Halal
- Sains Hayat
- Agroteknologi


Pembangunan berasaskan geografi pula merangkumi tiga (3) pelan utama yang meliputi Kawasan **Pembangunan Sabak Bernam, Wilayah Pembangunan Bersepadu di Selatan Selangor** dan **Zon Pembangunan Ekonomi Selangor Maritime Gateway (ZPE SMG)** yang melibatkan pembangunan di daerah Sabak Bernam, Kuala Langat, Sepang, dan sepanjang Sungai Klang.





RANCANGAN SELANGOR PERTAMA





2 PENINGKATAN KESEJAHTERAAN DAN KETERANGKUMAN SOSIAL

6

BIDANG TUMPUAN

21

STRATEGI UTAMA

72

PROJEK, PROGRAM
DAN INISIATIF



Kesejahteraan dan keterangkuman sosial sentiasa menjadi salah satu aspek terpenting dalam fasa pembangunan Negeri Selangor. Memandangkan ia memberi impak secara langsung kepada Rakyat, Negeri Selangor telah bertindak secara proaktif dalam menangani pelbagai cabaran sosial yang timbul sejak beberapa tahun yang lalu. Tumpuan yang lebih telah diberikan untuk membantu dan mendaya upaya golongan rentan terutamanya yang kurang berkemampuan untuk memastikan pembangunan sosial yang terangkum.

Sehubungan dengan itu, usaha akan terus tertumpu ke arah peningkatan kesejahteraan rakyat. Objektif utama tema strategik ini adalah bagi menyediakan peluang untuk menjana pendapatan buat semua, menggalakkan bantuan bersasar untuk masyarakat miskin bandar dan luar bandar dan memastikan keterangkuman masyarakat didayakan dengan penggunaan teknologi.



Terdapat **enam (6) sektor tumpuan utama, 21 strategi utama dan 72 Projek, Program dan Inisiatif (PPI)** dikenal pasti di bawah tema ini. Enam (6) sektor tumpuan utama itu adalah:

- Penjanaan Pendapatan dan Kebajikan Sosial
- Tumpuan Khas terhadap Kumpulan Sasar (Belia, Warga Emas dan Orang Kelainan Upaya)
- Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- Perumahan Mampu Milik
- Penjagaan Kesihatan
- Pendidikan





RANCANGAN SELANGOR PERTAMA





3 PEMACUAN KELESTARIAN

5

BIDANG TUMPUAN

14

STRATEGI UTAMA

38

PROJEK, PROGRAM
DAN INISIATIF



Peningkatan kesedaran dalam aspek Tadbir Urus, Sosial dan Alam Sekitar (ESG) terutama di kalangan kerajaan dan organisasi perniagaan dalam melakukan keputusan serta penilaian, telah menjadikan kelestarian sebagai agenda utama di peringkat global. Isu kelestarian dan alam sekitar ini juga kekal menjadi salah satu risiko utama termasuklah di Selangor apabila sering berlakunya gangguan bekalan air yang berpanjangan dan bencana alam walaupun langkah untuk menanganinya sedang giat dijalankan.

Tema strategik 'Pemacuan Kelestarian' akan memberi fokus kepada beberapa aspek kritikal seperti keperluan pembangunan dan penyediaan infrastruktur yang pintar dan lestari, terutamanya untuk menangani ancaman bencana di negeri Selangor. Selain itu, aspek kelestarian alam sekitar akan terus diberikan perhatian di dalam usaha untuk meningkatkan kesejahteraan sosial, melalui pembangunan infrastruktur bandar hijau dan pemuliharaan sumber semulajadi, seiring dengan komitmen kerajaan negeri untuk menjadi negeri yang lestari dan rendah karbon. Terdapat lima **(5) sektor tumpuan utama, 14 strategi utama dan**





38 projek, program dan inisiatif (PPI) yang telah dikenal pasti di bawah tema ini. Sektor-sektor tumpuan itu adalah:

- Daya Tahan dan Pengurusan Bencana
- Pengurusan Air
- Negeri Rendah Karbon
- Pengurusan Sisa
- Biodiversiti dan Sumber Asli



PHOTO: TSTAR MEDIA GROUP BERHAD



4 TADBIR URUS S.M.A.R.T. DAN BERKESAN

5

BIDANG TUMPUAN

12

STRATEGI UTAMA

51

PROJEK, PROGRAM
DAN INISIATIF



Ketidaktentuan persekitaran pasca pandemik menuntut Selangor untuk memperkasa jentera pentadbiran bagi memastikan negeri kekal berada dalam fasa pemulihan dan terus berkembang menjadi negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur. Usaha untuk menjadikan kerajaan negeri sebuah kerajaan yang dipacu data, telus dan berwawasan akan terus diberikan perhatian.

Dalam tempoh lima tahun akan datang, kajian semula tentang definisi kerajaan 'pintar' amatlah kritikal. Untuk mencapai visi sebuah kerajaan negeri S.M.A.R.T. dan berkesan, penekanan akan diberikan kepada beberapa aspek melangkaui teknologi, termasuklah penyelarasan dasar dan matlamat, peningkatan produktiviti, tenaga kerja awam tangkas dan bertanggungjawab dalam melaksanakan mandat, serta sentiasa menggunakan pendekatan berpaksikan rakyat. Selain itu, Kerajaan Negeri Selangor juga akan berusaha mempelbagaikan sumber hasil awam dalam mendokong keperluan pembangunan negeri serta menyokong transformasi teknologi demi memacu penyampaian perkhidmatan awam yang cekap dan berkesan.



Terdapat lima **(5) sektor tumpuan utama, 12 strategi utama dan 51 projek, program dan inisiatif (PPI)** di bawah tema ini. Lima (5) sektor tumpuan utama yang diberi penekanan kepada S.M.A.R.T. adalah:

- *Strategic Alignment of Goals and Policies* (Penjajaran Strategik Matlamat dan Dasar)
- *Managing Performance and Accountability* (Menguruskan Prestasi dan Akauntabiliti)
- *Agile Public Workforce* (Tenaga Kerja Awam yang Tangkas)
- *Revenue Sustainability* (Kemampanan Hasil)
- *Technological Transformation* (Transformasi Teknologi)





RANCANGAN SELANGOR PERTAMA



04

PEMANGKIN AGENDA NEGERI




PEMANGKIN AGENDA NEGERI

Lima (5) pemangkin utama akan membantu merangsang perubahan transformasi di Selangor melalui RS-1. Ini termasuk:

KOMPONEN PEMANGKIN



**Pembangunan
Infrastruktur
Awam**



**Pembangunan
Infrastruktur
Digital dan
Pendigitalan**



**Pembangunan
Modal Insan**



**Pembangunan
IKS**



**Penambahbaikan
Dasar dan
Kawal Selia**

Pemangkin-pemangkin yang telah dikenal pasti adalah berdasarkan elemen yang merentasi tema-tema strategik. Projek, program atau inisiatif tertentu merangkumi faktor perangsang yang boleh memudahkan dan melancarkan proses keseluruhan pelaksanaan RS-1. Ia boleh menjadi sama ada sebahagian daripada RS-1, Belanjawan 2022 atau projek-projek Negeri dan Persekutuan yang lain.




KOMPONEN PEMANGKIN




1. PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR AWAM



Nota: Ketersediaan infrastruktur awam yang mencukupi di lokasi utama yang dikenal pasti di seluruh negeri untuk menyokong pelaksanaan projek, program dan inisiatif lain.





KOMPONEN PEMANGKIN



2. INFRASTRUKTUR DIGITAL DAN PENDIGITALAN



Nota: Pelaksanaan infrastruktur digital untuk melancarkan proses penyampaian perkhidmatan untuk Rakyat, memudahkan perkembangan aktiviti berasaskan ekonomi dan membolehkan pengumpulan data yang lebih baik untuk tujuan pemantauan dan penilaian yang efektif.





KOMPONEN PEMANGKIN



3. PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Nota: Membangunkan dan mewujudkan rangka kerja komprehensif untuk memupuk tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan tangkas yang boleh menyokong keperluan negeri yang meningkat naik di samping mendorong kepada produktiviti buruh. Tenaga kerja akan membantu dalam pengembangan sektor dan aktiviti yang berpaksikan pengetahuan.





KOMPONEN PEMANGKIN



4. PEMBANGUNAN PKS

Nota: Penyediaan sokongan kewangan dan teknikal diperlukan untuk menggalakkan penglibatan dan pertumbuhan IKS yang mampan dalam semua sektor ekonomi utama.



platform

4

Khidmat rundingan dan latihan



KOMPONEN PEMANGKIN



**5. PENAMBAHBAIKAN
DASAR DAN KAWAL SELIA**

Nota: Kajian semula dasar dan undang-undang utama untuk meningkatkan tahap kecekapan, kualiti dan kemudahan pelaksanaan merentasi semua tema strategik dalam memenuhi kedua-dua keperluan perniagaan dan juga Rakyat.






MENYAHUT CABARAN BAGI MEREALISAKAN RS-1



TANGGUNGJAWAB BERSAMA UNTUK SEMUA

Sekarang adalah masa yang tepat untuk mengubah bagi pemeraksanaan dan pengukuhan Selangor untuk terus berdaya tahan. RS-1 akan memainkan peranan utama dalam mendorong Selangor ke arah menjadi **Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur** menjelang tahun 2025. Ia mengambil kira pelbagai aspek utama kepada semua pihak berkepentingan dengan sasaran yang kukuh dan boleh diukur, yang telah ditetapkan.

Komitmen dan kesungguhan daripada semua pihak berkepentingan – Rakyat, sektor perniagaan, komuniti dan kerajaan menjadi tonggak kejayaan pelan ini termasuk pelaksanaannya. Negeri Selangor diibaratkan seperti tubuh manusia. Sistemnya saling bergantung antara satu sama lain. Ini memberi makna bahawa setiap individu mempunyai peranan untuk dimainkan dengan sifat kebersamaan bagi merealisasikan visi ini demi manfaat Selangor dan keseluruhannya.





Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 13
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN

www.selangor.gov.my

#KitaSelangor